Headline	PRU-14: Usaha proaktif TNB jamin bekalan elektrik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	11
ArticleSize	136 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,064		

PRU-14: Usaha proaktif TNB jamin bekalan elektrik

KUALA LUMPUR 20 April - Bagi membolehkan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) berjalan dengan baik, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah melakukan persiapan awal bagi memastikan tiada gangguan bekalan elektrik sepanjang tempoh proses pilihan raya kali ini.

Ketua pegawai Korporat TNB, Datuk Roslan Ab. Rahman berkata, persiapan awal tersebut meliputi lebih 200 pusat penamaan calon, pusat mengundi dan pusat penjumlahan rasmi undi berada dalam keadaan baik sepanjang PRU-14.

"Kami telah melakukan persiapan seawal November tahun lepas dalam usaha memastikan aspek teknikal, operasi dan tunggu sedia bekalan elektrik ke lokasi-lokasi tersebut sentiasa terjamin sepanjang musim pilihan raya," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Tambahnya, TNB mengadakan beberapa siri pertemuan dengan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) di setiap negeri bagi mendapatkan maklum balas perincian keperluan elektrik di kesemua pusat berkenaan.

ROSLAN AB. RAHMAN

"Hasil pertemuan tersebut, kami telah mengambil langkah-langkah yang diperlukan. Insya-Allah semuanya akan berada dalam keadaan terkawal. Bilik gerak juga telah ditubuhkan di setiap negeri dan pusat atau ibu pejabat," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, sebagai langkah tambahan, warga kerja teknikal TNB akan diletakkan dalam keadaan tunggu sedia bagi memastikan kelancaran bekalan sepanjang proses PRU-14.

Powered by: iSENTIA